

08/07/1999

PM akan lawat Terengganu

KUALA TERENGGANU, Rabu - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan mengadakan lawatan kerja selama dua hari ke Terengganu pada 29 dan 30 Julai ini.

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, berkata sempena lawatan itu, Perdana Menteri akan meletakkan batu asas projek perumahan kos rendah di Wakaf Mempelam di sini, yang dilaksanakan Konsortium Perumahan Rakyat.

Beliau berkata, projek berkenaan yang membabitkan 1,000 unit rumah tiga bilik berukuran 700 kaki persegi itu akan dijual pada harga RM30,000.

"Selain mengadakan perjumpaan dengan pegawai dan kakitangan kerajaan, seperti biasa Presiden Umno itu akan mengadakan perjumpaan dengan Badan perhubungan Umno negeri," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Exco negeri, di sini hari ini.

Wan Mokhtar berkata, Dr Mahathir akan disambut secara besar-besaran oleh ahli Persatuan Seni Silat Negeri Terengganu (Pesilat) di Dungun.

Sementara itu, beliau berkata setakat ini tidak ada ahli Umno di negeri ini yang dikenakan tindakan kerana kesalahan berkenaan.

"Ahli yang diberikan surat tunjuk sebab memang ada, tetapi mereka sudah memberikan penjelasan yang memuaskan parti," katanya mengulas kenyataan Dr Mahathir bahawa Umno akan mengambil tindakan tegas ke atas ahli yang tidak setia kepada perjuangan parti.

Katanya, semua Umno bahagian di negeri ini juga diminta mengemukakan laporan jika ada kalangan ahli yang menyeleweng.

(END)